

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
KAWASAN : SANDAKAN
TARIKH : 19 JUN 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH (SANDAKAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kontraktor-kontraktor swasta seperti Gammerlite Sdn. Bhd. dan Globinaco Sdn. Bhd yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan jalan raya di negeri Sabah, serta sila nyatakan berapakah peruntukan akan disediakan atau diberi kepada mereka setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan di negara ini diselenggara oleh syarikat-syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Pusat. Manakala Jalan Negeri pula diselenggara oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan, sama ada melalui JKR Negeri atau pihak konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Pada masa kini penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Sabah dilaksanakan oleh 2 syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Pusat, iaitu Lintasan Resources Sdn. Bhd. untuk zon Pantai Barat Sabah, dan Gammerlite Sdn. Bhd untuk zon Pantai Timur Sabah (termasuk di Sandakan). Tempoh konsesi untuk kedua-dua syarikat ini ialah selama 15 tahun, iaitu dari tahun 2003 hingga 2018. Manakala Globinaco Sdn. Bhd. pula ialah antara syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk menyelenggara Jalan Negeri di Sabah. Berdasarkan kontrak perjanjian konsesi, syarikat-syarikat konsesi ini perlu mematuhi piawaian prestasi kerja sebagaimana yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, berkala dan kecemasan. Peruntukan untuk Jalan Persekutuan disalurkan menerusi kementerian ini pada setiap tahun, iaitu mengambil kira program kerja penyelenggaraan yang telah diluluskan. Pada tahun ini (2014), Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak RM148 juta – berbanding RM88 juta pada

tahun 2013 – untuk tujuan menyelenggara Jalan Persekutuan di seluruh negeri Sabah. Manakala peruntukan untuk menyelenggara Jalan Negeri yang dilaksanakan oleh Globinaco Sdn. Bhd. pula adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian. Terima kasih.